

---

HARI SELASA, 17 MEI 1994, PUKUL 2.30 PETANG

**\*1. Tuan Haji Shuib bin Haji Endut** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah beliau setuju bahawa Jabatan Buruh tidak mengawalselia dengan baik terhadap pengambilan buruh-buruh di kilang-kilang. Jika jabatan menyelia dengan teliti sudah tentu kes kanak-kanak bawah umur terputus tangan yang bekerja di kilang roti yang berlaku di Alor Setar baru-baru ini tidak berlaku. Apakah tindakan-tindakan Kerajaan terhadap pengilang-pengilang yang melakukan kesalahan di bawah kes ini.

**\*2. Dato' Zainol Abidin bin Johari** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sebab-sebab kelemahan jentera permainan sepak takraw iaitu permainan warisan Bangsa Melayu di akhir-akhir ini kalau dibandingkan dengan gerakan di masa lampau yang telah pernah menganjurkan pertandingan antarabangsa. Apa jadi dengan Persatuan Sepak Takraw Negeri-negeri.

**\*3. Tuan Shahiruddin Ab. Moin** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengembalikan kegemilangan belia sebagai arus perubahan dalam masyarakat.

**\*4. Tuan Rahim bin Baba** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa unitkah rumah pangsa Dewan Bandaraya yang telah dijual kepada penghuninya mengikut pecahan kaum;
- (b) dari unit yang telah dijual ini, berapa unitkah yang telah bertukar milik; dan
- (c) bilakah Kerajaan bercadang menjual unit rumah pangsa yang dimiliki oleh Dewan Bandaraya kepada penyewanya.

**\*5. Dr. Toh Kin Woon** minta Menteri Pengangkutan menyatakan kesan-kesan ke atas penerbangan domestik MAS sejak terbukanya Lebuhraya Utara-Selatan. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh MAS untuk menarik balik penumpang-penumpangnya.

**\*6. Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) jumlah pelancong yang melawat Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 1994, sehingga bulan April, mengikut pecahan negara asal mereka;

- (b) adakah jumlah ini memuaskan dari segi kos perbelanjaan promosi;
- (c) kalau tidak, apakah faktor-faktor yang menyebabkan kemerosotan industri pelancongan; dan
- (d) nyatakan tindakan yang dicadangkan oleh Kementerian untuk menyelesaikannya.

**\*7. Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Pendidikan menyatakan setakat ini berapakah jumlah kes guru statik dalam penilaian SSB ini membuat rayuan atau bantahan dengan pihak Kementerian.

**\*8. Tuan Haji Dol bin Dollah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Vietnam berkemungkinan mengemukakan permohonan lebih awal daripada yang dijangka untuk menyertai Asean dan hingga hari ini apakah petanda-petanda baik yang Vietnam akan menyertai Asean dan memandangkan statusnya kini ialah sebagai pemerhati.

**\*9. Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) sedang menghadapi peringkat kemerosotan dan seluruh dunia Islam merasa kecewa kerana OIC tidak dapat memainkan peranannya dengan berkesan. Apakah usaha yang Malaysia akan buat untuk menggerak semula jentera OIC ini.

**\*10. Tuan Johan B.O.T. Ghani** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah tindakan Kementerian terhadap budaya lepak yang semakin membimbangkan di kalangan pemuda pemudi bawah umur sehingga terjadinya kegiatan yang tidak bermoral seperti menghidu gam, merokok, meminum ubat batuk secara berlebihan, peras ugut dan bermain di pusat-pusat hiburan seperti di pusat billiard; dan
- (b) adakah cadangan Kementerian untuk membina sebuah bangunan khas untuk kebajikan bagi menggantikan bangunan Tunas Bakti Inanam, Sabah kerana bangunan tersebut sudah tidak sesuai memandangkan masalah penempatan penghuni-penghuni baru yang semakin ramai.

**\*11. Tuan K. Munisamy** minta Menteri Pertanian menyatakan bahawa apakah tindakan Kementerian terhadap masalah kekurangan penawaran daging ayam yang berlaku semasa perayaan-perayaan seperti yang telah berlaku baru-baru ini. Apakah langkah-langkah yang telah diambil supaya kejadian seperti ini tidak berulang lagi.

**\*12. Puan Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menyusun atur program pemakanan di sekolah-sekolah rendah terutamanya program susu yang telah dan masih menimbulkan masalah kesihatan contohnya susu ditukar dengan bahan minuman yang sama khasiatnya seperti air kacang soya.

**\*13. Datin Hajah Wan Intan Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk mengguna pakai Skim Saraan Baru (SSB) kepada perkhidmatan pendidikan untuk membolehkan guru-guru mendapat faedah bonus sama seperti mereka yang berkhidmat di Kementerian-kementerian lain. Jika ya, bila. Jika tidak, mengapa.

**\*14. Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang akan diambil untuk mempertingkatkan pelaburan di bidang industri memandangkan bahawa pelaburan asing yang kian berkurangan pada beberapa tahun kebelakangan ini; dan
- (b) daripada jumlah Memorandum Persefahaman (MOU) yang telah ditandatangani sama ada mengenai pelaburan di luar atau dalam negeri, berapa projek telah dilaksanakan.

**\*15. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah Kementerian bercadang akan mendesak Pertubuhan Islam Sedunia (OIC) bagi membantu rakyat Bosnia ekoran kelemahan PBB dalam kejadian terbaru di Gorazde, Bosnia.

**\*16. Tuan Haji Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah cadangan dan saranan baik yang akan diutarakan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan kepada Badan-Badan Sukan Tanahair, Jurulatih dan Atlit ke arah mengembalikan balik keyakinan dan kepercayaan masyarakat terhadap isu 'Cabul Atlit Wanita' tidak berulang lagi; dan
- (b) sama ada hasil siasatan kes Atlit Rabia Salam akan diumumkan atau tidak.

**\*17. Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sebab-sebab kemerosotan prestasi matapelajaran matematik dalam keputusan SPM 1993 didapati kurang memuaskan, dan jika benar, apakah rancangan Kementerian untuk memperbanyakkan guru-guru matematik supaya seluruh sekolah dapat khidmat guru-guru yang mempunyai ijazah dalam ilmu matematik; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk memberi peluang guru-guru mengambil ijazah dalam bidang matematik dengan memberikan mereka cuti bergaji di dalam dan di luar negeri.

**\*18. Puan Hajah Rahmah bt. Salleh** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan mana lebih besar keuntungan di antara tanaman kelapa sawit dengan tanaman getah dan di antara keduanya ini mana lebih banyak melibatkan modal.

**\*19. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah pemimpin ajaran sesat dalam Agama-agama yang terbesar di Malaysia dan nyatakan sebab-sebab mereka menjadi sesat dan pelampau; dan

(b) adakah benar pemimpin sebuah ajaran yang mengagungkan pemimpin mereka sehingga gambar-gambar pemimpin ini dilekatkan di kereta-kereta Ahli mereka supaya masyarakat mengenali beliau dan apakah Kementerian akan memujuk manusia suci ini balik ke Malaysia untuk bertaubat.

**\*20. Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

(a) apakah punca-punca sebenar terhadap kematian atlit wanita negara, Rabia bt. Abd. Salam; dan

(b) adakah berkaitan kematian ini disebabkan sikap jurulatih lelaki yang bersikap harapkan pagar, pagar makan padi.

**\*21. Tuan Limun Laikim** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mempertingkatkan mutu sukan di Sabah, khasnya bolasepak di mana jika ianya diberi bimbingan yang sesuai sudah tentu ramai pemain bolasepak Sabah akan maju dan seterusnya akan bermain di dalam Liga Perdana.

**\*22. Tuan Tiong Thai King** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada usaha-usaha untuk memburukkan imej Kerajaan Malaysia dilakukan oleh Kerajaan-kerajaan asing ataupun dilakukan oleh agen-agen Barat yang iri hati terhadap kemajuan Malaysia dalam bidang perdagangan dan perindustrian, dan jika benar apakah tindak balas Kerajaan Malaysia untuk mengatasi pencerobohan pemikiran ini.

**\*23. Dato William Chek Lin Kwai** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah kriteria pemberian Lesen Stesyen Minyak dan berapakah bilangan yang diluluskan setakat hari ini.

**\*24. Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Perpaduan Negara dan Masyarakat menyatakan:

(a) berapa ramaikah rakyat asing yang meminta sedekah ditangkap setakat ini;

(b) dari mana asal mereka ini; dan

(c) apakah tindakan mereka akan ambil terhadap mereka ini.

**\*25. Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(a) berapakah jumlah bayi rakyat asing yang dilahirkan pada setiap tahun di Pusat-pusat Kesihatan dan Hospital-hospital Kerajaan; dan

(b) berapakah yang dibelanjakan oleh Kerajaan untuk membiayai kos rawatan yang diberikan kepada warga asing mengikut pecahan:

(1) Bersalin

(2) Paediatric

(3) Ubat-ubatan dan lain-lain kemudahan.

**\*26. Puan Hajah Rahaiah bt. Baheran** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan supaya KDN memperketatkan syarat-syarat pemberian lesen kepada syarikat-syarikat penerbitan, terutamanya penerbitan majalah-majalah untuk remaja yang terlalu memaparkan tentang kecantikan, keseksian, keribadian barat, rencana-rencana sensasi yang lebih kepada glamour dan hayalan dan bertentangan dengan Wawasan 2020 yang lebih mahukan remaja bersikap dinamik, progresif dan berakhlak tinggi.

**\*27. Tuan Isli Haji Siput** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa penuntut lulusan farmasi perlu mengambil 'Pre-Reg' ataupun housemanship mereka di hospital Kerajaan sebelum diiktiraf sebagai ahli farmasi, jika sedar mengapakah pihak Kementerian tidak mengambil inisiatif serta berkerjasama dengan agensi Kerajaan lain yang menaja pelajar-pelajar dalam bidang ini untuk membantu memudahkan pendaftaran masuk ke hospital-hospital Kerajaan memandangkan pada masa ini kita amat memerlukan ahli farmasi;
- (b) sama ada Kementerian akan membenarkan ahli farmasi mengadakan 'Consultancy Room' dan meluaskan aktiviti mereka kepada skop yang lebih luas daripada semata-mata menyedia dan menjual ubat-ubatan kepada pesakit terutamanya ahli farmasi dalam klinik mereka.

**\*28. Tuan Itama Wali b. Nawan** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan bahawa masalah tanah adalah masalah utama masyarakat Orang Asli. Apakah tindakan pihak Kementerian untuk mengatasi.

**\*29. Puan Rosalind Yau Shuk Meng** minta Menteri Pendidikan menyatakan memandang tenaga kerja Doktor masih sangat kurang di negara kita, adakah Kementerian bercadang menambah bilangan pengambilan pelajar Bidang Perubatan di Universiti tempatan. Kalau tidak mengapa.

**\*30. Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan akan menyerahkan kepada NAFAS bagi mengambil alih LPN dalam kendalian syarikat yang akan diwujudkan kerana dengan penyerahan kepada NAFAS itu faedah untuk masyarakat tani lebih luas.

**\*31. Dato' K. Vijayanathan** minta Menteri Pendidikan memandangkan kepada fakta bahawa beberapa kolej-kolej Persendirian didakwa telah melakukan kesalahan di bawah Akta Pendidikan 1961 dan Akta Deskripsi Perdagangan 1972, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan bahawa peruntukan-peruntukan daripada akta-akta yang diperihalkan di atas telah dipatuhi untuk memastikan bahawa taraf yang diharapkan daripada Kolej-kolej Perindustrian dan institusi-institusi dipelihara.

**\*32. Tuan Ho Cheng Wang** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) dalam tahun 1993, berapa kakitangan Kerajaan terlibat dalam kes rasuah dan sebutkan mengikut kategori atau gred jawatan mereka; dan
- (b) apakah prosidur atau langkah-langkah diambil atau dicadangkan oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini yang semakin serius.

**\*33. Tuan Haji Shuib bin Haji Endut** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah MARA bercadang untuk memperbanyakkan lagi Pusat Giat MARA di merata kampung dan berapa banyakkah pusat-pusat Giat Mara telah ditubuhkan sejak dilancarkan pada tahun 1990 mengikut negeri-negeri. Apakah kriteria pemilihan tempat bagi penubuhan pusat-pusat tersebut.

**\*34. Tuan Haji Shuib bin Haji Endut** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan, adakah Kementerian bercadang untuk memberhentikan terus pemberian lesen bas baru kepada pengusaha bas di Wilayah Persekutuan. Jika Ya, adakah sebuah konsotium bas akan ditubuhkan untuk menyelenggarakan bas awam di Kuala Lumpur.

**\*35. Tuan Shahirudin Abdul Moin** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau akan mengkaji semula umur kereta-kereta yang digunakan oleh kereta sewa supaya dipanjangkan dari cadang umur yang ditetapkan.

**\*36. Tuan Shahiruddin Abdul Moin** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah Malaysia akan memanggil pulang tentera kita jika keadaan di Bosnia berada di dalam keadaan tegang.

**\*37. Dr. Toh Kin Woon** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) berapa banyak, dari segi nilai, pelaburan asing telah mengalir masuk ke Malaysia dalam tempoh Januari - Mac 1994, berbanding dengan suku tahun pertama 1993;
- (b) apakah sebab-sebab yang membawa kepada kejatuhan dalam pelaburan asing ini; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil untuk menarik lebih banyak pelaburan asing.

**\*38. Tuan Johan B.O.T. Ghani** minta Menteri Kesihatan menyatakan satu sindiket menjual ubat batuk telah ditumpaskan baru-baru ini di Beaufort, Sabah. Apakah tindakan Kementerian terhadap kegiatan ini.

**\*39. Puan Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan peranan Malaysia dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan bagaimanakah Malaysia dapat memanfaatkan daripada pembentukan WTO dan apakah persediaan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang terlibat terutama dalam isu-isu sosial seperti pemburuan dan alam sekitar dalam sebarang rundingan perdagangan masa depan.

**\*40. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah sebab sebenar keengganan Kerajaan Negeri membuat pinjaman menerusi Tabung Rizab Kerajaan Pusat yang menyebabkan bank kawasan luar bandar dan Lembaga Kemajuan Wilayah masih tertinggal dari segi mendapatkan bekalan air bersih.

**\*41. Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada pengaruh Amerika Syarikat di dalam APEC (Asia Pacific Economic Council) Majlis Ekonomi Pasifik akan menggugat pertumbuhan ekonomi negara membangun seperti Malaysia dan negara-negara ASEAN lain, dan jika ya, apakah tindakan Malaysia untuk mengatasi ancaman perdagangan dari negara maju yang tidak senang hati terhadap kemajuan ekonomi Malaysia.

**\*42. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Pendidikan menyatakan sebab-sebab merosotnya keputusan peperiksaan SPM tahun 1993 berbanding dengan tahun sebelumnya dan adakah akibat pelajaran menurun kerana terdedah kepada unsur-unsur yang menggoda dan mencabar seperti panjang masa siaran TV dan apakah usaha-usaha kementerian untuk meningkatkan prestasi pelajar-pelajar dalam mata-pelajaran matematik dan sains.

**\*43. Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa ramai bekas-bekas perajurit yang terlibat dalam jenayah seperti:

- (a) mencuri;
- (b) merompak;
- (c) merogol;
- (d) pecah amanah.

sejak tahun 1992.

**\*44. Dato William Chek Lin Kwai** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri menyatakan:

- (a) setakat manakah kolej-kolej swasta di negara ini telah melanggar Akta Perihal Dagangan 1962 dan jenis kesalahannya;
- (b) apakah tindakan Kementerian yang selanjutnya terhadap kolej-kolej yang didapati bersalah; dan
- (c) senaraikan kolej-kolej yang terlibat.

**\*45. Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa klinik-klinik swasta adalah dikecualikan dari meletak tanda harga pada barangan komoditi yang dibekalkan kepada pesakit-pesakit termasuklah ubat. Bagaimanakah caranya untuk pesakit-pesakit mengetahui bahawa mereka tidak dikenakan caj berlebihan. Sejauh manakah klinik-klinik swasta dibenarkan meraih keuntungan dari pembekalan ubat kepada pesakit-pesakit.

**\*46. Puan Hajah Rahaiah bt. Baheran** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa banyak kes kecuaihan doktor-doktor di hospital berlaku sehingga April tahun ini. Nyatakan jenis-jenis kecuaihan tersebut dan apakah tindakan Kementerian terhadap doktor-doktor tersebut;

- (b) apakah tindakan Kementerian terhadap seorang kakitangan yang tersalah memberi ubat kepada seorang budak yang bernama Abdul Rahman bin Osman dari Kuala Terengganu sehingga menyebabkan kematian beliau; dan
- (c) sama ada Kementerian akan membaikpulihkan sistem perkhidmatan hospital-hospital Kerajaan agar para pesakit dan keluarga pesakit merasa lebih selesa sama ada dari segi kemudahan rawatan dan perkhidmatan kaunter.

**\*47. Puan Hajah Rahaiah bt. Baheran** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian akan mengurangkan jumlah pelajar di kelas-kelas sekolah-sekolah bantuan penuh Kerajaan antara 20 hingga 30 supaya kelas tidak menjadi terlalu sesak agar guru-guru dapat memberi perhatian kepada setiap pelajar dan pelajar dapat menumpukan perhatian kepada mata pelajaran yang diajar; dan
- (b) mewujudkan satu kakitangan khas di Jabatan pendidikan Negeri/Daerah tanpa menjejaskan Pentadbiran sekolah. Langkah Kementerian yang mengambil guru-guru yang bertugas di sekolah menjejaskan prestasi pelajar dan pentadbiran sekolah terpaksa mencari guru pengganti supaya jadual dapat dipenuhi.

**\*48. Tuan Isli Haji Siput** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) mengenai peraturan dan peranan Kementerian mengenai penjualan bahan ubat-ubatan yang dijual di merata-rata tempat seperti kaki-kaki lima dan kedai-kedai runcit selain daripada kedai farmasi yang bertauliah;
- (b) apakah peranan Kementerian untuk memastikan bahawa rakyat Malaysia terjamin dari segi keselamatan kesihatan kerana mungkin terbeli ubat-ubatan yang kononnya mengandungi khasiat-khasiat tertentu oleh penjual-penjual yang tidak langsung mempunyai latar belakang dalam bidang berkenaan; dan
- (c) sama ada Kerajaan akan mengadakan undang-undang untuk membenarkan cuma kedai-kedai farmasi yang bertauliah sahaja dibenar menjalankan perniagaan ubat-ubatan.

**\*49. Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan sama ada kakitangan KEMAS dihadkan umur untuk bersara iaitu Penyelia-penyelia dan Pemaju-pemaju Masyarakat dan apakah Kerajaan tidak bercadang melanjutkan had umur mereka iaitu selagi mereka sihat walaupun usianya sudah melebihi 55 tahun.

**\*50. Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa permohonan telah diterima untuk mendaftarkan Persatuan Penganut-penganut Tokong dan Kuil dalam tahun 1992 dan 1993;
- (b) berapa persatuan telah berjaya didaftar dalam tahun 1992 dan 1993; dan

- (c) adakah Kementerian sedar atau tidak, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan mengambil masa yang panjang untuk memproses permohonan dan apakah tindakan diambil untuk mengatasi masalah ini.

**\*51. Puan Hajah Che Pora bt Hj. Omar** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan program meningkatkan usaha-usaha mencegah penyakit dan meningkatkan mutu kesihatan rakyat dari masa ke semasa.

**\*52. Dr. Ng Yen Yen** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) bilangan pusat penjagaan kanak-kanak yang dikendalikan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan sama ada terdapat pusat-pusat tersebut di bandar-bandar; dan
- (b) apakah program dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memupuk masyarakat penyayang dan memperkukuhkan semangat perpaduan rakyat berbilang kaum di negara kita.